

23/05/1997

Dr M kedua paling berkuasa

SINGAPURA, Khamis - Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad `masih kuat seperti dahulu' dan beliau telah naik ke tangga kedua dalam senarai 50 individu yang paling berkuasa di Asia, menurut kajian Asiaweek.

Dr Mahathir menduduki tangga keempat tahun lalu dalam kajian Power 50 Asiaweek, iaitu ranking tahunan 50 individu yang berkuasa dan berpengaruh di Asia.

Menurut majalah berkenaan individu yang paling berkuasa di Asia tahun ini ialah Presiden China, Jiang Zemin, yang menduduki tempat kedua tahun lalu, manakala Presiden Suharto dari Indonesia yang menduduki tempat teratas tahun lalu sekarang menduduki tempat ke tiga.

Individu lain yang berada dalam senarai 10 teratas ialah di tangga keempat Rupert Murdoch (Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif News Corp); Naib-Perdana Menteri China Zhu Rongji (kelima); Perdana Menteri Jepun Ryutaro Hashimoto (keenam); Presiden Taiwan Lee Teng-hui (ketujuh); Pengerusi Salim Group, Liem Sioe Liong (kelapan); Raja Bhumibol Adulyadej (kesembilan); dan Sultan Brunei dan Perdana Menteri Hassanal Bolkiah (ke-10). - Bernama

(END)